

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [ JASIN ]**  
**TARIKH : 12.6.2014**  
**SOALAN :**

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik orang tempatan mendapat faedah limpahan ekonomi ekoran dari pembukaan Kampus UiTM di Sri Mendapat, Jasin berbanding bukan orang tempatan serta usaha konkrit untuk menambahbaik kedudukan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Kampus Universiti Teknologi MARA, Cawangan Jasin, Melaka adalah berfokuskan kepada peluang pendidikan untuk pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi. Berdasarkan perancangan, kampus ini akan beroperasi sepenuhnya pada bulan Jun 2014 dengan kemasukan pelajar kira-kira 5,000 orang.

Berhubung dengan faedah limpahan ekonomi yang akan diperoleh oleh penduduk tempatan, perkara tersebut adalah bergantung kepada perancangan pembangunan dan kebijaksanaan Kerajaan Negeri.